



**“TAK KENAL MAKAN TAK CINTA”**

## MENDEKATI YBHG. DATUK SERI DR. ISMAIL HAJI BAKAR KETUA SETIAUSAHA NEGARA (KSN)



### Insight :

Assalamualaikum wbt. YBhg. Datuk Seri Dr. Pertama sekali, saya mewakili Insight dan ILKAP mengucapkan ribuan terima kasih atas kesudian YBhg. Datuk Seri Dr. meluangkan sedikit masa berkongsi cerita bersama kami. Izinkan saya mulakan dengan memohon YBhg. Datuk Seri Dr. untuk menceritakan tentang latar belakang kehidupan termasuklah latar belakang pelajaran YBhg. Datuk Seri Dr.

### KSN :

Waalaikumussalam wbt. Sama-sama. Baiklah, saya berasal dari Kampung Seri Medan, Batu Pahat, Johor. Kampung saya adalah di kawasan pedalaman. Saya dilahirkan pada 19 Januari 1960 dan bersekolah di Batu Pahat, Johor. Dari kecil lagi ketika saya belajar saya mula bekerja mencari duit dan melakukan pelbagai kerja-kerja kampung seperti membela kambing, ayam dan itik, menanam dan menjual sayur dan kerja kontrak bangunan. Daripada pengalaman bekerja kontrak bangunan itulah saya mempelajari selok-belok dan masalah dalam projek-projek pembangunan. Saya mahir dalam kerja-kerja kontrak berkenaan kerana bekerja sejak berumur 13 tahun hingga 18 tahun. Setiap kali cuti sekolah saya akan

ke Singapura mencari duit dan daripada kerja-kerja sebeginilah saya berjaya membiayai pelajaran dan sebagainya.

Selepas saya menamatkan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia bagi Tingkatan 6 di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Bentara Luar Batu Pahat, Johor saya telah diterima masuk ke Universiti Malaya pada tahun 1980 dan telah menjadi graduan Universiti Malaya pada tahun 1983 dalam bidang Sarjana Muda Ekonomi.

### Insight :

Apakah yang menjadi pendorong dan cita-cita YBhg. Datuk Seri Dr. ketika melakukan pelbagai kerja sejak dari kecil lagi untuk mencari duit? Apakah sebab YBhg. Datuk Seri Dr. berusaha keras mencari duit pada ketika itu?

### KSN :

Saya sebenarnya mempunyai mentor, iaitu abang saya Mohd Ishan Haji Bakar. Abang saya merupakan satu-satunya orang di kampung saya dan di Sri Medan yang diterima masuk ke sekolah berasrama penuh, Sekolah Sultan Alam Shah. Pada masa itu, keluarga kami pun tidak mengetahui mengenai sekolah berasrama penuh

### DISCLAIMER

The information contained in this website is for general information purposes only. While we endeavour to keep the information up to date and correct, we make no representations or warranties of any kind, express or implied, about the completeness, accuracy, reliability, suitability or availability with respect to the website or the information contained on the website for any purpose. Any opinion expressed is the personal opinion of the contributors. Nothing on this website constitutes, or is meant to constitute advice of any kind. Any reliance you place on such information is therefore strictly at your own risk. In no event will we be liable for any loss or damage including without limitation, indirect or consequential loss or damage, or any loss or damage whatsoever arising from loss of data or profits arising out of, or in connection with, the use, reference to, or reliance of this website. The information is correct as at .....



ataupun Sekolah Sultan Alam Shah ini. Oleh sebab perasaan ingin tahu, kami sekeluarga membaca tentangnya dan selepas itu barulah kami tahu Sekolah Sultan Alam Shah ini merupakan sekolah terkemuka di Negara ini. Selepas bersekolah di Sekolah Sultan Alam Shah ini, abang saya kemudiannya masuk ke universiti. Dari situlah saya mempunyai semangat dan tekad untuk mengejar abang saya dan mengikut jejak langkah kejayaannya. Walau bagaimanapun, saya tidak dapat menyambung pelajaran di Sekolah Sultan Alam Shah. Namun, ia tidak menghalang tekad saya untuk berjaya dan saya tetap berusaha sehinggalah diterima masuk ke Universiti Malaya.

**Insight :** **Selepas YBhg. Datuk Seri Dr. memasuki Universiti, adakah YBhg. Datuk Seri Dr. mempunyai sebarang sasaran yang ingin dicapai dalam kehidupan?**

**KSN :** Pada asalnya saya ingin menjadi Penolong Penguasa Polis (ASP), tetapi kemudiannya haluan takdir saya membawa saya terus sebagai Pegawai Tadbir Diplomatik sejurus selepas saya menjadi graduan Universiti Malaya pada tahun 1983. Pada masa itu saya menerima pelbagai tawaran kerja terutamanya daripada bank-bank. Tetapi, memandangkan saya merupakan penerima biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam, saya telah menolak tawaran-tawaran berkenaan dan memilih berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir Am selama setahun sebelum memohon dan diterima sebagai Pegawai Tadbir Diplomatik. Sehingga kini, saya telah berkhidmat selama kira-kira 36 tahun sebagai penjawat awam. Dalam 36 tahun berkhidmat sebagai penjawat awam, telah banyak yang saya lalui dan pelajari dan semua Jabatan tersebut banyak mengajar saya.

**Insight :** **Sepanjang perkhidmatan YBhg. Datuk Seri Dr. berkenaan, di manakah yang dirasakan paling banyak mengajar YBhg. Datuk Seri Dr.?**

**KSN :** Saya merasakan semua kementerian / agensi / jabatan tempat saya ditugaskan banyak mengajar saya mengenai relatif berkhidmat kepada orang awam dan Kerajaan. Di Kementerian Kewangan di mana saya telah berkhidmat lebih daripada 20 tahun, jadi bidang kepakaran saya adalah dalam *public finance*. Saya juga pernah berkhidmat di Kementerian Pertahanan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Pengarah Belanjawan di Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian

Kewangan, Ketua Setiausaha di Kementerian Pengangkutan, Ketua Setiausaha di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan terakhir sekali sebelum dilantik menjadi Ketua Setiausaha Negara ini adalah sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan di Kementerian Kewangan selama kira-kira tiga (3) bulan. Saya juga pernah menjadi Penasihat Kanan di Ibu Pejabat Bank Dunia (*The World Bank*), Washington D.C. kira-kira tiga (3) tahun pada tahun 2008. *The World Bank* ini merupakan organisasi yang penting dan saya banyak menimba ilmu di sana. Di Kementerian Pertahanan, saya banyak mempelajari bagaimana menjadi seorang pegawai yang cekal dan teguh.

**Insight :** **Bolehkah YBhg. Datuk Seri Dr. berkongsi mengenai pengalaman pahit dan manis yang paling diingati sepanjang perkhidmatan sebagai penjawat awam?**

**KSN :** Yang paling manis adalah apabila saya mendapat tawaran membuat PhD (Doktor Falsafah) dalam Federalisme Fiskal di University of Hull, United Kingdom menerusi British Chevening Scholarship pada tahun 2000 dan saya menyelesaikan PhD saya pada tahun 2003. Pengalaman kedua yang paling manis pula adalah apabila saya dilantik menjadi Penasihat Kanan kepada The World Bank pada tahun 2008. Kedua-dua pencapaian ini ketika saya berada di Kementerian Kewangan.

Dari segi kenangan pahit pula, saya rasakan pada 1997 ketika kemelesetan ekonomi yang melibatkan Negara-Negara ASEAN. Cabaran sebenar pada ketika itu adalah kerana keadaan ekonomi yang terlalu teruk dan keadaan politik pada ketika itu juga tidak begitu baik apabila timbulnya kes-kes yang melibatkan pemimpin Kerajaan. Keadaan pekhidmat awam pada waktu itu adalah sangat goyah dan seperti tersepit antara keadaan-keadaan tertentu. Pengalaman pahit itu mengajar erti kehidupan politik Negara pada masa itu.

**Insight :** **Mungkin YBhg. Datuk Seri Dr. ingin menyampaikan sedikit pesanan kepada penjawat awam dari segi isu integriti?**

**KSN :** Tidak mengira skim, sama ada anda seorang polis, tentera atau skim yang lain, anda adalah tetap di bawah perkhidmatan awam. Jika pekhidmat awam tidak bersikap neutral, bersikap bias atau gagal memberikan

perkhidmatan mengikut The Principle of Neutrality, penjawat awam akan gagal dalam memberikan khidmat secara profesional kerana adanya timbal balik yang mengakibatkan perkhidmatan yang tidak efisien sehingga boleh menjatuhkan Negara ini. Oleh itu, penjawat awam mestilah bersikap neutral dalam memastikan pembangunan Negara dari segi ekonomi, politik dan sosial.

**Insight :** Akhir sekali, sudi YBhg. Datuk Seri Dr. Berkongsi moto pegangan kehidupan yang dibawa oleh YBhg. Datuk Seri Dr. dan berjaya membawa YBhg. Datuk Seri Dr. ke hadapan?

**KSN :** Moto saya adalah "**DO THE RIGHT THING RIGHT THE FIRST TIME**". Apabila kita bertindak betul dari awalnya lagi, kita tidak perlu membuat pembetulan. Sebaliknya, jika dari awal tindakan kita bersifat sambil lewa dan tidak betul, kesudahannya kita akan menghadapi kesukaran untuk memantau dan membetulkan semula kesilapan yang telah berlaku. Ada juga keadaan apabila tindakan pembetulan kesilapan itu adalah lebih sukar dan mengambil masa serta kos yang lebih banyak berbanding masa dan kos sebenar sesuatu projek / kerja jika dari awal tindakan yang sewajarnya mengikut proses, Standard Operating Procedure telah

dilaksanakan. Saya berpandangan jika semua penjawat awam berpegang kepada moto berkenaan, secara amnya tiada masalah pembetulan yang dapat dielakkan akan berlaku.

**Insight :**

Terima kasih atas kesudian YBhg. Datuk Seri Dr. meluangkan masa menerima temu bual daripada Insight. Apa yang disampaikan oleh YBhg. Datuk Seri Dr. insyaAllah akan kami terbitkan sebaik-baiknya dan diharap ia dapat memberikan semangat dan peringatan penting kepada semua warga ILKAP dan pembaca Insight ini.

**KSN :**

Sama-sama, insyaAllah dan wassalam.

Ditemu bual oleh :  
Ainnan Binti Mohd Rasid





# INSIGHT

ILKAP E-NEWS LETTER

2019  
JAN - JUN





## ARTIKEL:

### WHISTLEBLOWER PROTECTION: UNDER ACT 711: IS IT A MYTH?

By Hamidun bin Datuk Haji Abdul Fatah

Judicial and Legal Training Institute

The Whistleblower Protection Act 2010 [*Act 711*] was enacted and passed into law on 10 June 2010 and came into force on 15 December 2010. This specific law was enacted pursuant to achieve the aspiration encompassed under the 1st and 2nd National Key Result Area namely to ‘Reduce Crime Rate’ and to ‘Combat Corruption’ under the Government Transformation Programme (GTP) masterplan launched respectively in April 2009 and 20 January 2010.

Since the coming into force of Act 711, series of questions have been mounted by various parties regarding the transparency and applicability of the whistleblower protection. Several disclosures of misconduct that was intended to expose misconducts, mismanagement, abuse of powers, cronyism or favouritism practised in public offices, government-linked companies (GLCs) or implementation of government contracts was not accorded the whistleblower protection. These disclosures were said to have fallen on deaf ears. Instead, it was the ‘*so called whistleblower*’ that were taken to task by the enforcement agencies and not the culprit disclosed in the disclosure of misconduct.

The mythical question as to whether the whistleblower protection championed by Act 711 really exist became the centre of debate which occupied the social media for some time. The ‘*so called whistleblower*’ became the hunted. They were probed by the enforcement agencies either on the pretext of having illegal access to official documents or information or making unauthorised disclosures of government official secrets. Some had to battle private legal suits for defamation. The unlucky ones ended up being prosecuted, convicted and imprisoned. The lucky ones managed to find refuge or migrate to other country or expelled from the country or managed to get proceedings against them withdrawn. These repercussions faced by ‘*the so called whistleblowers*’ would have tantamount to ‘retrial action’ which is prohibited and criminalised under Act 711 had the whistleblower protection were conferred.

Supporters and sympathisers of the so called whistleblowers wasted no times to wrong the government and the enforcement agencies. The disclosures that were blatantly made via the social media or ‘*specially staged*’ press conferences were viewed as divine revelation and demanded to be treated as national or public interest and that ‘*the heroic so called whistleblowers*’ should not have been wronged under any circumstances whatsoever. They were dubbed as the victim of retriial action initiated by the enforcement agencies and those heavily affected by the said disclosures.

Amongst the instances of disclosures which were dubbed to have been heavily investigated by the enforcement agencies against ‘*the so called whistleblowers*’ were the disclosure of the Auditor General’s Report which was classified under the Official Secrets Act 1972 [*Act 88*], disclosure of Tabung Haji’s solvency and the grand exposure of 1MDB scandal.

The unexpected responses against ‘*the so called whistleblowers*’ making disclosures of misconduct against the government or GLCs lead to allegation that the whistleblower protection under Act 711 were a mere myth that they were specifically designed to protect only a certain class of people. The quick answer to this mythical allegation is no and yes. No, the whistleblower protection is not a myth and yes, it is designed to protect only a certain group of people.

It is ‘*the mode of making the disclosure*’ of the misconduct which is ‘key’ to the determination as to whether or not the whistleblower protection under Act 711 would be conferred or otherwise. Only compliance with the mode of disclosures as enumerated in Act 711 and the regulations made thereunder would determine whether or not the maker of the disclosure can be conferred the whistleblower protection. The elements provided in Section 3 that it has to be lodged to an enforcement agency and read together with Section 6 on the making of the disclosure of misconduct and subject always to matters referred in Section 11 on matters for revocation of the protection as provided in Act 711 must be fulfilled. The Whistleblower Protection Act 2010, Implementation Guideline and read together with the Standard Operating Procedure (SOP) of each relevant enforcement agencies will be a good guide on the working of Act 711.

Disclosure of misconduct must be lodged in ‘Form 1’. The maker of the disclosure may appear in person to lodge the said ‘Form 1’ to such respective enforcement agency or via any printed medium by inserting the maker’s information and contact to any authorised officer of the enforcement agency or otherwise, orally including through telephone calls and revealing the maker’s identity. The maker of the disclosure of misconduct will request for protection under Act 711 in the said ‘Form 1’. For disclosures made other than by the personal presence of the maker at the enforcement agency’s office, the authorised officer will make arrangement for such ‘disclosures’ to be transcribed into writing as required in ‘Form 1’.

## ARTIKEL:

This mode of making disclosure of misconduct is to ensure that the confidentiality protection of the whistleblower will be enforced at all material time. It is only 'the authorised officer' of the respective enforcement agency who receives the disclosure of misconduct will know the identity of the whistleblower and once the disclosure and the person making the disclosure fulfils the necessary requirements, the protection under Act 711 is conferred. The said authorised officer will make an entry into the whistleblower register and the said enforcement agency is duty bound to ensure that the whistleblower protection under Act 711 is duly enforced in respect of the said whistleblower.

If any complaint of reprisal action is reported by the whistleblower is likely or had been initiated against him or any person related to him, the enforcement agency shall investigate and ensure that such reprisal action will not be commenced or is put to an end or initiate legal suit on behalf of the whistleblower to obtain restraining order against such person committing the reprisal action as the case may be. The whistleblower too would be entitled to sue for restitution against such person who initiated reprisal action against him or any person related to him.

As of April 2019, according to the statistic compiled by the Legal Affairs Division of the Prime Minister's Department (BHEUU) which monitors and oversees the enforcement of Act 711 by six (6) enforcement agencies namely, the Malaysian Anti-Corruption Commission ('MACC' or 'SPRM'), Royal Malaysia Police ('RMP' or 'PDRM'), Customs Department, Immigration Department, Security Commission and the Companies Commission reported that 516 individuals who had made disclosures of misconduct and requested for whistleblower protection under Act 711 had been conferred with the said protection. Thus far, there had been no reported cases of revocation of the said protection under Act 711.

Of late, there has been an increasing concern questioning the effectiveness of Act 711 in view of glaring low numbers of whistleblower protection accorded as against the number of complaints received. In a recent report on the effectiveness of the Whistleblower Protection Act 2010 by the Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS), it was revealed that of the 8,953 complaints received by the MACC, only 28 were courtesy of whistleblowers. An article, 'A critical look into the Whistleblower Protection Act 2010' by former Bar Council President cites reasons why so few people come forward with information of corruption, kickbacks and

abuse of power within their organisation. The flaws cited in the report include whistleblowers are only protected if they tip off enforcement agencies such as the police, MACC, Bank Negara and the Securities Commission.

It's worth to note that the 516 individuals conferred the whistleblower protection from the statistic compiled by BHEUU were filtered out of the total number of 70,554 disclosures of misconduct that had been recorded by the six (6) enforcement agencies ever since the coming into force of Act 711 until March 2019. It's cogent to remember that all complainants are whistleblowers. The majority of the complainants are the direct victims of misconduct or wrongdoing by their perpetrators and wishes to obtain restitution against them as compared to wrongdoings against the government or any institution. If every complainant is conferred with whistleblower protection, the prosecutors will have tough time to determine their key witness whom were then conferred with the whistleblower protection and one of which is the right to confidentiality protection of his information from being revealed including in legal proceedings before any Court of law.

That aptly explain the low numbers of whistleblowers protection sought for and are conferred to. It is a clear indication that the enforcement agencies are careful and considers only appropriate and suitable cases to be conferred with the said protection so as to ensure the effective prosecution and enforcement against the perpetrators and economic implementation of Act 711. Data from the US suggests that as a method of detection whistleblowing is the single most effective means of uncovering graft. The whistleblower protection is real. It is not a myth and is here to stay.





## ARTIKEL:

# HAK ADAT ORANG ASLI BERKAITAN DENGAN TANAH DI BAWAH KANUN TANAH NEGARA 1965

Disediakan oleh Zurina binti Mohd  
Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan

Orang asli adalah sekumpulan masyarakat pribumi yang tinggal di Semenanjung Malaysia. Mereka merupakan populasi terawal di Semenanjung Malaysia dan dikatakan telah tinggal di Semenanjung Malaysia sejak lebih kurang 5,000 tahun dahulu.

Orang asli ditakrifkan dalam Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan (“PP”) sebagai orang asli Semenanjung Tanah Melayu. Terdapat tiga kumpulan utama orang asli iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Asli (*Proto-Malay*)<sup>1</sup>. Tiga kumpulan utama ini seterusnya dibahagikan pula kepada 18 suku kaum.

Takrifan orang asli yang lebih spesifik diperuntukkan dalam subseksyen 3(1) Akta Orang Asli 1954 [*Akta 134*]. Secara ringkasnya orang asli ditakrifkan sebagai mana-mana orang yang bapanya ialah anggota kumpulan etnik orang asli, mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa bayi oleh orang asli yang dibesarkan sebagai seorang orang asli atau anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan orang asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain. Mereka ini haruslah bercakap bahasa orang asli dan lazimnya mengikuti cara hidup orang asli dan adat serta kepercayaan orang asli.

Tanah dan alam semula jadi merupakan elemen penting dalam kehidupan orang asli memandangkan mereka masih lagi bergantung kepada aktiviti pertanian, berburu, mengutip hasil hutan dan menangkap ikan dalam meneruskan kehidupan mereka.

### Hak Adat Berkaitan Dengan Tanah dan Kanun Tanah Negara 1965

Terma “tanah adat” di Semenanjung Malaysia tidak ditakrifkan dalam mana-mana peruntukan undang-undang. Malahan Kanun Tanah Negara 1965 (“KTN”)<sup>2</sup> memperuntukkan bahawa peruntukan dalam KTN tidak terpakai kepada tanah yang dipegang secara adat (*customary title*).

Ini selaras dengan keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes Sagong Tasi apabila YAA Gopal Sri Ram telah menyatakan yang berikut:

*“I would add for good measure there is also nothing in the Code, which is the principal statute that regulates titles and dealings in land and interests in land which strikes at the recognition of lands held under customary title. Indeed, s. 4 of the Code expressly says that it does not apply to lands held under customary title.”*

Walaupun KTN tidak terpakai bagi tanah yang dipegang secara adat, namun hak adat orang asli ke atas tanah telah diiktiraf dalam keputusan-keputusan kes mahkamah di Malaysia seperti kes Sagong Tasi, Adong Kuwau dan Madeli Salleh. Kes-kes tersebut telah mengiktiraf hak orang asli dari segi *common law* iaitu hak-hak kepada tanah moyang orang asli dan tanah yang diduduki oleh orang asli serta kawasan rayau orang asli.

Namun, persoalan sama ada tanah yang diduduki oleh orang asli merupakan “tanah yang dipegang secara adat (*land held under customary title*)” atau sebaliknya perlu diputuskan oleh Mahkamah. Dalam hal ini, Mahkamah Rayuan dalam kes Sagong Tasi telah menggariskan kriteria-kriteria yang perlu dipenuhi bagi mengenal pasti sama ada tanah yang dipertikaikan adalah tanah adat atau pun bukan, iaitu:

- Plaintiff mestilah dikenal pasti sebagai orang asli melalui bahasa, mengamalkan cara hidup orang asli dan kepercayaan serta adat orang asli;
- Tanah telah diduduki sejak turun-termurun;
- Tanah telah diwarisi melalui adat yang dikenal pasti atau dapat dibuktikan;
- Adat ini boleh dibuktikan melalui keterangan pakar, dokumen termasuk kajian, buku-buku sejarah serta gambar-gambar;
- Beban pembuktian bagi membuktikan perkara ini adalah terletak pada pihak Plaintiff; dan
- Adat-adat yang diamalkan tidak boleh ditinggalkan atau berhenti daripada diamalkan (abandonment) oleh Plaintiff.

## ARTIKEL:

Dalam kes ini, YAA Gopal Sri Ram di peringkat Mahkamah Rayuan telah mengenal pasti fakta-fakta utama yang mewujudkan Tanah Adat (*Customary Land*) atau Tanah Moyang (*Ancestral Land*) orang asli seperti yang berikut:

- Bukit Tamboi (tanah yang dipertikaikan) telah diduduki oleh kaum Temuan sekurang-kurangnya selama 210 tahun;
- Plaintiff telah mewarisi tanah tersebut melalui adat kaum Temuan; dan
- Plaintiff adalah daripada kaum Temuan yang telah tinggal di atas tanah tersebut sejak turun temurun dari generasi ke generasi dan adat berkenaan tanah yang diperlakukan adalah spesifik kepada kaum Temuan.

Selain itu, Mahkamah juga mendapati bahawa Plaintiff membawa banyak bukti dan tuntutan Plaintiff ke atas pegangan tanah tidak dicabar/dijawab oleh pihak Defendan. Sebagai tambahan, Mahkamah juga mendapati bahawa *radical title* Defendan adalah terbeban dengan *customary title* pihak Plaintiff.

Kes Adong Kuwau<sup>4</sup> pula turut mengiktiraf kawasan rayau orang asli yang mana Mahkamah telah memutuskan bahawa Akta 134 tidak mengecualikan hak-hak yang diletak hak dalam *common law*, iaitu termasuk hak orang asli ke atas tanah adat, hak bebas untuk menetap dan bergerak di bawah Perkara 9(2) PP, hak kepada hasil hutan, hak kehidupan masa depan bagi individu dan keluarganya yang terdekat dan hak kehidupan bagi keturunannya.

Kes Madeli Salleh<sup>5</sup> juga mengikuti keputusan kes Sagong Tasi dan Adong Kuwau apabila Mahkamah Persekutuan telah mengesahkan keputusan kes di peringkat Mahkamah Rayuan yang antara lain telah memutuskan seperti yang berikut:

- Kedudukan undang-undang seperti yang dikatakan dalam dua (2) kes *Adong Kuwau* dan *Nor Anak Nyawai* mencerminkan kedudukan *common law* berhubung dengan hakmilik-hakmilik anak negeri (*native customary rights*) di seluruh Negara Komanwel.
- Raja Pemerintah boleh memperolehi hakmilik radikal (*radical title*) atau hakmilik akhir (*final title*) kepada sesuatu tanah anak negeri (*native customary rights*), tetapi tidak memperolehi milikan benefisial (*beneficial rights*) ke atas tanah tersebut.

- Hak atau kepentingan Raja Pemerintah terhadap tanah adalah tertakluk kepada hak-hak anak negeri (*native customary rights*) terhadap tanah tersebut.

**Pampasan bagi Pengambilan Tanah Adat Orang Asli**

Perkara berhubung dengan pampasan ada diperuntukkan dalam Akta 134 iaitu dalam Seksyen 11 dan 12 yang memperuntukkan bahawa ganti rugi yang didapat adil oleh Pihak Berkuasa Negeri hendaklah diberikan kepada masyarakat orang asli sekiranya masyarakat orang asli yang menduduki tanah Kerajaan buat sementara waktu di bawah lesen atau selamanya dilupuskan dapat membuktikan tuntutan terhadap pokok buah-buahan atau pokok getah di atas tanah tersebut. Pampasan tersebut dibayar mengikut Seksyen 12 Akta 134, iaitu boleh dibayar kepada masyarakat orang asli yang terlibat atau dibayar kepada Ketua Pengarah bagi Hal Ehwal Orang Asli untuk ditadbirkan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh Menteri.

Walau bagaimanapun, kes Sagong Tasi memutuskan bahawa bayaran pampasan tanah kepada orang asli dibuat menurut Akta 486 (mengikut harga pasaran) dan bukannya menurut Akta 134 (mengikut budi bicara Pihak Berkuasa Negeri).

Namun, isu pampasan berdasarkan nilai pasaran tersebut hanya timbul sekiranya tanah yang diduduki oleh orang asli telah diputuskan sebagai tanah yang dipegang secara adat (*land held under customary title*) selaras dengan definisi "tanah" di bawah subseksyen 2(1) Akta Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486].

**Kesimpulan**

Walaupun KTN tidak terpakai bagi tanah yang dipegang secara adat, namun hak adat orang asli ke atas tanah telah diiktiraf dalam keputusan-keputusan kes Mahkamah di Malaysia. Keputusan kes Mahkamah juga telah memutuskan bayaran pampasan tanah kepada orang asli yang dipegang secara adat perlu dibuat mengikut harga pasaran dan bukannya mengikut budi bicara Pihak Berkuasa Negeri.

<sup>4</sup>Kerajaan Negeri Johor & Anor v  
Adong bin Kuwau [1998] 2 MLJ 158

<sup>5</sup>Superintendent of Land & Surveys &  
Anor v Madeli Salleh [2007] 6 CLJ 509



## ARTIKEL:

# KEDUDUKAN DAN PERANAN YANG DI-PERTUAN AGONG DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN KONTEKS STATUT ROM MAHKAMAH JENAYAH ANTARABANGSA (ICC)

Disediakan oleh Haslamizan bin Maliki

Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan secara demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Perlembagaan Persekutuan (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “Perlembagaan”) merupakan undang-undang tertinggi, dan mana-mana undang-undang lain yang bercanggah dengannya adalah terbatas setakat mana percanggahan itu.<sup>6</sup> Pengubalan Perlembagaan negara kita sebelum kemerdekaan adalah berdasarkan sejarah dan keperluan dalam negara kita sendiri.<sup>7</sup>

Yang di-Pertuan Agong (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “YDPA”) dan Raja-Raja Melayu memainkan peranan penting dan istimewa dalam pentadbiran Malaysia pada hari ini. Jika ditinjau dari sudut sejarah, sultan-sultan memainkan peranan yang penting dalam pentadbiran sesebuah negeri seperti yang dapat dilihat dalam zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka pada suatu masa dahulu yang mana sultan adalah berkuasa mutlak. Maka sebab itulah pentadbiran hari ini adalah berakar umbi daripada sejarah lalu yang mempunyai pengaruh yang sangat besar, khasnya di kalangan masyarakat Melayu yang sangat menghormati institusi raja.

Salah satu daripada peranan terpenting institusi YDPA adalah menjadi lambang kepada kuasa pemerintahan (*executive authority*) bagi negara. Institusi ini juga berfungsi untuk memberikan identiti Melayu dan Islam kepada Persekutuan, sekali gus meneruskan warisan sejarah negara ini sebagaimana yang telah dijelaskan.<sup>8</sup>

Perlembagaan menetapkan YDPA sebagai ketua utama negara. Perkara 32 (1) Perlembagaan menyatakan:

*“There shall be a Supreme Head of the Federation, to be called the Yang di-Pertuan Agong, who shall take precedence over all persons in the Federation and shall not be liable to any proceedings whatsoever in any court except in the Special Court established under Part XV.”*

Perkara 44 Perlembagaan (*constitution of Parliament*) meletakkan YDPA sebagai salah satu daripada tiga (3) unsur badan legislatif atau parlimen. Perkara 44 menyatakan:

*“The legislative authority of the Federation shall be vested in a Parliament, which shall consist of the Yang di-Pertuan Agong and two Majlis (Houses of Parliament) to be known as the Dewan Negara (Senate) and the Dewan Rakyat (House of Representatives).”*

Baginda juga mempunyai kuasa untuk memanggil, menangguh dan membubarkan Parlimen seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 55 (1) Perlembagaan yang menyatakan:

*“The Yang di-Pertuan Agong shall from time to time summon Parliament and shall not allow six months to elapse between the last sitting in one session and the date appointed for its first meeting in the next session.”* Perkara 55 (2) pula menyatakan *“The Yang di-Pertuan Agong may prorogue or dissolve Parliament.”*

Baginda juga berperanan meletakkan cop mohor kepada Rang Undang-Undang yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam proses pengubalan undang-undang. Peranan ini diperuntukkan dalam Perkara 66 (1) Perlembagaan yang menyatakan:

*“The power of Parliament to make laws shall be exercised by Bills passed by both houses (or, in the case mentioned in Article 68, the House of Representatives) and, except as otherwise provided in this Article, assented to by the Yang di-Pertuan Agong.”*

Bagaimanapun, menurut peruntukan selepas pindaan, Perkara 66 (4A) Perlembagaan, suatu Rang Undang-Undang yang tidak disahkan oleh YDPA tetap akan menjadi undang-undang dalam tempoh yang ditetapkan.

YDPA juga merupakan panglima tertinggi Angkatan Tentera Malaysia sebagaimana diperuntukkan dalam Perkara 41 Perlembagaan (*supreme command of armed forces*) yang menyatakan:

<sup>6</sup>Perkara 4 (1) Perlembagaan Persekutuan.

<sup>7</sup>Dalam bukunya Perlembagaan Malaysia- Asas-asas dan Masalah, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008, Dr. Abdul Aziz Bari menyatakan “S. A. de Smith, Profesor Undang-undang

Perlembagaan dari Universiti Cambridge pernah menyebut bahawa meskipun kebanyakannya perlembagaan tersebut berkerangkakan demokrasi Westminster, isi mereka berpaksikan kepada amalan dan nilai sistem politik tempatan.”

<sup>8</sup>Ibid, muka surat 92

## ARTIKEL:

*"The Yang di-Pertuan Agong shall be Supreme Commander of the armed forces of the Federation."*

Timbul kerisauan dan keresahan yang tidak dapat disembunyikan di kalangan sebahagian rakyat Malaysia berkenaan kesan ratifikasi Malaysia terhadap Statut Rom, khasnya yang menyentuh kedudukan YDPA. Isu ini sangat sensitif terutamanya di kalangan orang Melayu dan seterusnya boleh dimanipulasikan untuk kepentingan politik oleh pihak tertentu jika tidak dijelaskan dan ditangani dengan baik oleh Kerajaan.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan terpaksa menarik diri daripada menyertai Statut Rom berkenaan. Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam satu kenyataan pada 5 April 2019 menyatakan bahawa tindakan penarikan diri ini adalah kerana kekeliruan yang timbul dari segi politik dalam kalangan masyarakat dan menegaskan bahawa keputusan ini dibuat bukan kerana Statut Rom ini membahayakan negara.<sup>9</sup>

Antara kerisauan di kalangan masyarakat ialah, YDPA dan Raja-Raja Melayu akan terdedah kepada pendakwaan jenayah di Mahkamah Jenayah Antarabangsa (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "ICC") yang boleh menyebabkan institusi raja tergugat. Kerisauan lain adalah Malaysia akan kehilangan hak untuk menggubal dasar dan undang-undang sendiri khasnya yang berkaitan hak asasi manusia.

Sejarah dan peranan Statut Rom perlu difahami terlebih dahulu sebelum menjawab kerisauan yang timbul di kalangan rakyat. Statut Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa adalah satu triti rasmi antara negara-negara bagi menujuhan satu ICC. Perjanjian ini dimulakan pada tahun 1998 dan mula berkuat kuasa sejak tahun 2002 lagi. Setakat 19 Mei 2019, bilangan negara yang meratifikasi atau menerima (*acceded*) Statut Rom ini adalah sebanyak 122 buah negara.

Tragedi kemanusiaan yang berlaku pada tahun 1990-an iaitu penghapusan etnik di Rwanda dan Bosnia-Herzegovina merupakan titik tolak kepada kewujudan Statut Rom. Perkara 6 hingga 8 Statut Rom memperuntukkan bahawa bidang kuasa ICC ini adalah untuk membicarakan empat jenis jenayah antarabangsa iaitu:

- Perkara 6 penghapusan etnik (*genocide*);
- Perkara 7 jenayah terhadap kemanusiaan (*crimes against humanity*);
- Perkara 8 jenayah perang (*war crimes*); dan
- Perkara 9 jenayah pencerobohan (*crime of aggression*).

Jelas bahawa objektif Statut Rom ini adalah selaras dengan kehendak undang-undang, moral dan agama di seluruh dunia. Penyertaan mana-mana negara dalam Statut Rom melambangkan komitmen mereka untuk menegakkan keadilan dan mempertahankan undang-undang antarabangsa.

Persoalan yang timbul adalah jika jenayah di atas dilakukan, siapakah yang akan bertanggungan untuk didakwa di ICC? Perkara 27 (*Irrelevance of official capacity*) Statut Rom menyatakan:

*"(1) The Statue shall apply equally to all persons without any distinction based on official capacity. In particular, **official capacity as a Head of State or Government, a member of a Government or parliament, an elected representative or a government official shall in no case exempt a person from criminal responsibility under this statue, nor shall it, in and of itself, constitute a ground for reduction of sentence.** (2) **Immunities or Special procedural rules which may attach to the official capacity of a person, whether under national or international law, shall not bar the Court from exercising its jurisdiction over such a person.***"

Peruntukan ini jelas menunjukkan Ketua Negara adalah tertakluk kepada bidang kuasa ICC jika melakukan jenayah di atas. Namun, peruntukan dalam Perkara 28 Statut Rom ini juga menyatakan:

*"(a) A military commander or person effectively act as a military commander shall be criminally responsible for crimes within the jurisdiction of the Court committed by forces under his or her effective command and control, or effective authority and control as the case may be, as a result of his or her failure to exercise control properly over such force...."*

Berdasarkan peruntukan ini, bukan sahaja Ketua Negara, tetapi komander tentera juga tertakluk kepada bidang kuasa ICC jika melakukan jenayah di atas.

Oleh itu, timbul persoalan adakah kedudukan YDPA akan tergugat jika Malaysia meratifikasi Statut Rom ini? Sebagaimana yang telah dijelaskan, berdasarkan peruntukan Perlembagaan, YDPA adalah Ketua Negara dan juga pemerintah tertinggi angkatan tentera. Katakanlah Malaysia melakukan jenayah yang dinyatakan di atas

## ARTIKEL:

seperti penghapusan etnik, adakah kedudukan YDPA tetap tidak akan terjejas? Berdasarkan pengamatan secara menyeluruh, kedudukan YDPA adalah tidak terjejas atas beberapa faktor.

Antara faktor tersebut adalah berdasarkan peruntukan Perkara 40 Perlembagaan, YDPA adalah seorang Raja Berperlembagaan yang menjalankan tugas-tugasnya atas nasihat kabinet. Perkara 40 (1) Perlembagaan menyatakan:

*“In exercise of his functions under this Constitution or federal law the Yang di-Pertuan Agong shall act in accordance with the advice of the cabinet or of a Minister acting under the general authority of the Cabinet, except as otherwise provided by this Constitution; but shall be entitled, at his request, to any information concerning the government of the Federation which is available to the Cabinet.”*

Selain itu, walaupun YDPA adalah pemerintah tertinggi angkatan tentera, baginda tidak mempunyai kuasa untuk mengisyiharkan perang. Perkara 41 Perlembagaan menyatakan

*“The Yang di-Pertuan Agong shall be the Supreme Commander of the armed forces of the Federation.”*

Boleh dihujahkan juga, angkatan tentera bukanlah di bawah kawalan efektif YDPA sebagaimana elemen yang perlu ada untuk didakwa menurut peruntukan Statut Rom. Sebagaimana yang diketahui umum, Malaysia bukanlah sebuah kuasa ketenteraan dan Malaysia juga sentiasa mengamalkan pendekatan berkecuali dalam apa jua konflik dunia.

Bagaimanapun, pendekatan berhati-hati berhubung perkara ini juga amat perlu, terutamanya dalam mengambil kira aspek keselamatan negara. Hal ini demikian kerana, sebarang imuniti dan kekebalan yang diberikan kepada Ketua Negara baik dalam undang-undang negara atau antarabangsa adalah tidak terpakai berdasarkan peruntukan Statut Rom jika mereka dibicarakan di ICC. Selain itu, pihak ICC juga boleh mendesak sesebuah negara pihak untuk menangkap seseorang Ketua Negara atau ketua angkatan tentera jika mereka beranggapan mahkamah tempatan tidak berupaya untuk mendakwa mereka.

Dalam aspek keselamatan, masih wujud kemungkinan untuk Malaysia menghadapi ancaman sama ada dari dalaman atau secara luaran seperti insiden pencerobohan Lahad Datu pada tahun 2013. Secara umumnya, pihak keselamatan akan mengambil tindakan se maksimum mungkin untuk mengatasi ancaman berkenaan, dan bagi tujuan ini, kekerasan yang menjadi kesalahan di bawah Statut Rom mungkin dilakukan tanpa sengaja. Persoalan ini sangat subjektif. Risiko inilah yang menjadi punca kerisauan ramai pihak.

## Kesimpulan

Penarikan balik Malaysia daripada meratifikasi Statut Rom ini tidak mendatangkan kesan yang buruk. Hal ini kerana Statut Rom adalah bersifat terbuka. Malahan negara lain juga ada yang telah menarik diri daripada penyertaan Statut ini seperti Amerika Syarikat dan Filipina. Rundingan dan tindakan lanjut berhubung perkara ini masih boleh diteruskan pada masa akan datang. Kefahaman berhubung perkara ini masih belum menyeluruh yang menatijahkan penentangan walau tanpa hujah yang konkret. Pada masa yang sama, pendapat semua pihak juga perlu diperhalusi berhubung keperluan Malaysia meratifikasi Statut Rom ini pada masa akan datang.





## ARTIKEL:

# MANDATORY DEATH PENALTY FOR MURDER CASES IN MALAYSIA: A COMPARISON WITH SYARIAH LAW

By Ainnan binti Mohd Rasid  
Judicial and Legal Training Institute

## PREAMBLE

This Article aims to engage readers to see the comparative side of death penalty for murder from the perspective of Malaysian law and from the perspective of Syariah law. It is also simplified and intended to be conversational in nature.

## INTRODUCTION

The first and foremost question that needs to be understood is what is the definition of “death penalty”? It might seem like a simple term, but the definition varies depending on different countries and different circumstances.

According to Roger Hood, a prominent expert in death penalty throughout the world; in one of his many articles<sup>10</sup>, he stated that “death penalty” which is also known as “capital punishment” is **the execution of an offender sentenced to death after conviction by a court of law of a criminal offense**. He also stated that capital punishment should be distinguished from extrajudicial executions carried out without due process of law. Further, he observed that the imposition of the penalty is not always followed by execution (even when it is upheld on appeal), because of the possibility of commutation to life imprisonment.

What is the definition of “death penalty” under the law(s) of Malaysia? It is interesting to note that there are no specific provisions under the laws of Malaysia that gives definition to “death penalty”. However, an understanding of what is considered as death penalty here in Malaysia can be done by looking into how it is executed here and reference should be made to Section 277 of the Criminal Procedure Code [Act 593] which provides for the method of executing death penalty:

### *“Judgment of death”*

277. When any person is sentenced to death the sentence shall direct that he be hanged by the neck till he is dead, but shall not state the place where nor the time when the sentence is to be carried out.”

## DEATH PENALTY FOR MURDER: UNDER THE MALAYSIAN LAW

In Malaysia, the punishment for murder is clearly provided in Section 302 of the Penal Code [Act 574] (“Penal Code”) which states:

### *“Punishment for murder”*

302. Whoever commits murder shall be punished with death”

The next question to be posed is, what are the acts that fall under the definition of “murder”? To answer this, reference is made to Section 300 Penal Code:

### *“Murder”*

300. Except in the cases hereinafter excepted, culpable homicide is murder—

- (a) if the act by which the death is caused is done with the intention of causing death;
- (b) if it is done with the intention of causing such bodily injury as the offender knows to be likely to cause the death of the person to whom the harm is caused;
- (c) if it is done with the intention of causing bodily injury to any person, and the bodily injury intended to be inflicted is sufficient in the ordinary course of nature to cause death; or
- (d) if the person committing the act knows that it is so imminently dangerous that it must in all probability cause death, or such bodily injury as is likely to cause death, and commits such act without any excuse for incurring the risk of causing death, or such injury as aforesaid.”

From both Sections 300 and 302 Penal Code, it is clear that any “murder” crimes that has received a conviction from the Court shall render the perpetrator to receive the mandatory punishment of death penalty. No other alternative(s) of punishment has been provided under the Penal Code for these murder crimes.

<sup>10</sup> <https://www.britannica.com/topic/capital-punishment>

## ARTIKEL:

Now that we have laid out the understanding of what is murder and the punishment of mandatory death penalty against the crime of murder in the context of Malaysian law, let us now look into how Syariah law treats murder crimes.

### DEATH PENALTY FOR MURDER: FROM THE SYARIAH LAW PERSPECTIVE

#### Definition of “murder” from Islamic perspective:

In a general definition by Ahmad Fathi Bahnsi, Syariah law perceives murder as:

“The deliberate act of criminals who hit the victim with weapons and the likes, to eliminate the life (killing) the victim.”<sup>11</sup>

According to Dr. Masuma Pervin<sup>12</sup>, there are five (5) classifications of murder under Islamic Criminal Law (ICL)<sup>13</sup>, based on the opinion of majority of the homicide jurists in ICL, namely:

- i) *Qatl-i-amd (wilful murder consisting of murderer's will, voluntary act, and use of mortal weapon)*
- ii) *Qatl-i-sibhi-amd (wilful murder, but the instrument used is not considered to endanger life)*
- iii) *Qatl-i-khata (accidental murder)*
- iv) *Qatl-i-Jari majra al-Khata (equivalent to accidental or involuntary murder)*
- v) *Qatl-i-bit-tasabbur (indirect murder). ”*

Dr. Masuma Pervin further stated that intentional murder is the deliberate killing of another<sup>14</sup> with a lethal weapon or instrument such as club, a sharp stone, or fire. Three basic conditions for intentional murder according to the homicide jurists are:

- (i) *the victim must be a living human being;*
- (ii) *the victim must have died as a result of the action of the accused; and*
- (iii) *the offender has wilful intention of causing death of the victim.*<sup>15</sup>

What is the punishment for wilful murder under ICL<sup>16</sup>? To answer this, reference is made to Surah Al-Baqarah, verse 178:

“O you who believe, Qisas has been prescribed for you in the case of murdered people: The freeman (will be killed) for the freeman, the slave for the slave, and the female for the female. However, if one is somewhat forgiven by his brother, the recourse (of the latter) is to pursue the former (for blood money) with fairness, and the obligation (of the former) is to pay (it) to the latter in a nice way. That is a relief from your Lord, and a mercy. So, whoever transgresses after all that will have a painful punishment.

*Mufti Taqi Usmani – Al-Baqarah 2:178”*

From the Quran verse above, it can be gathered that punishment for wilful murder is by killing the murderer in return of the victim’s lost life (Qisas) OR, if the murderer is forgiven by the brother (family) of the victim, then Qisas need not be carried out and the family of the victim can demand the murderer for payment to compensate the death of the victim.

<sup>11</sup>Bahnsi, Ahmad Fathi (1989), *Al-Qisas Fi Al-Fiqh Al-Islami*. Kaherah, Dar AlSyurug – Abdul Hakim Hamidon, *Al-Qarinah Kontemporari Dalam Pembuktian Jenayah Bunuh Menurut Perundangan Islam*

<sup>12</sup>Dr. Masuma Pervin, *Law of Murder under Islamic Criminal Law: An Analysis* (2016), Journal of Law, Policy and Globalization Vol. 53.

<sup>13</sup>Also known as Syariah Law

<sup>14</sup>This is equal to “murder” as defined under the Penal Code.

<sup>15</sup>Ibid.

## ARTIKEL:

These variations of punishment depending on the victim's family is the biggest difference between Death Penalty under the Malaysian law compared to the Syariah perspective. The differences are as follows:

	<b>Death Penalty for Intentional Murder under Malaysian Law</b>	<b>Death Penalty for Intentional Murder under Syariah Law</b>
1.	Automatic – No alternative(s).	NOT automatic – Has alternative(s).
2.	Upon conviction, the punishment imposed DOES NOT involve victim's family, it is meted out by the court and carried out by the authority.	Upon conviction, the punishment imposed DOES involve the victim's family – they make the decision for the death penalty to be carried out or not.
3.	Death penalty is MANDATORY.	Death penalty MAY BE WAIVED upon forgiveness by victim's family.
4.	It DOES NOT involve monetary punishment	It MAY involve monetary punishment – Victim's family have the right to demand monetary compensation from the murderer.

## CONCLUSION

Based on the abovementioned references to Malaysian law and Syariah law, it can be concluded that there is a complex and striking difference between punishment for murder (intentional / wilful) under the Malaysian law as compared to the Syariah law.

As of current, Malaysian government is still conducting various researches and engagements on abolishing mandatory death penalty. In this notion, it is crucial that the Malaysian government strikes the right balance between upholding human rights, understanding the diverse cultural, economic, political and legal differences between Malaysia and other countries as well as upholding justice for murder victims who can no longer have a say or fight for their rights.

<sup>16</sup>For accidental murder, the punishment under ICL is as provided in *An-Nisa 4:92 (Mufti Taqi Usmani)*

## ARTIKEL:

# SISTEM PENGURUSAN KURSUS BERSEPADU (ICMAS) V5.0 ILKAP

Disediakan oleh Mariana binti Nong  
Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan

Sistem Pengurusan Kursus Bersepadu atau lebih dikenali sebagai ICMAS kini telah mencapai versi 5.0. ICMAS merupakan sistem atas talian bagi pengurusan kursus di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) yang meliputi modul-modul dari aktiviti sebelum, semasa dan selepas.

ICMAS v5.0 mula beroperasi secara *live* pada 30 April 2019.

**Tujuan utama ICMAS dinaiktaraf** ke versi 5.0 adalah untuk memperkemaskan fungsi-fungsi sedia ada terutamanya penetapan penceramah, penilaian kursus dan janaan laporan serta melibatkan beberapa penambahan modul-modul baru. Dengan penambahbaikan ini, fungsi-fungsi tersebut dapat dilaksanakan dalam tempoh yang lebih singkat dan sekaligus dapat membantu melicinkan aktiviti-aktiviti dalam perlaksanaan kursus dan penyediaan laporan.




ICMAS v5.0 dilengkapi fungsi **Keselamatan dua (2) lapisan** iaitu penggunaan *username* dan *password* dan ciri keselamatan tambahan 'reCAPTCHA' yang berfungsi sebagai lapisan keselamatan kedua yang digunakan bagi mengurangkan risiko penggodaman.

### Antara Ciri-ciri Khas ICMAS v5.0

#### 1. Dashboard Status Kursus

#### 2. Shortcut Menu



2. Short

PENGETAHUAN

PESERTA

PENGALAMAN

MOKADAMAH

Sistem Aktiviti Tahunan Sebelum Kursus Semasa Kursus Selepas Kursus Maklumat Lepas Bantuan Pengguna

Jumlah Kursus Keseluruhan : Tahun 2019

Jumlah Kursus Yang Telah Selesai : Tahun 2019

Jumlah Kursus Akan Datang : Tahun 2019

Kursus Yang Sedang Berjalan

Tidak Ada Kursus Yang Sedang Berjalan Buat Masa Ini

Kursus Akan Datang

Tidak Ada Kursus Yang Akan Datang Dalam Tempoh Ini


Kursus Yang Telah Selesai

K048190429

1042190423

## ARTIKEL:

### 3. Carian Pintar




The screenshot shows the 'ULASAN PENILAIAN KURSUS : SENARAI KURSUS' page in ICMAS v5.0. A red arrow points from the top left towards the search bar. The search bar contains the text 'Carian:'. Below it is a table listing two courses. The table has columns: No, Tarikh, Kad, Nama Kursus, Program, Status, and Tindakan.

No	Tarikh	Kad	Nama Kursus	Program	Status	Tindakan
1	2019-03-26	H03T190326	Seminar Huk-Huk Wanita Di Bawah Undang-Undang Syariah	Kehakiman	<input checked="" type="checkbox"/> Masih Dibuka <input checked="" type="checkbox"/> Aktif	<a href="#">Kemaskini</a>
2	2019-03-12	U944190312	Seminar Mengenal Ibu Murni di Malaysia	Perundangan	<input checked="" type="checkbox"/> Masih Dibuka <input checked="" type="checkbox"/> Aktif	<a href="#">Kemaskini</a>

**Ciri Khas Carian Pintar** – Pengguna boleh memasukkan katakunci carian dan **ICMAS v5.0** akan memaparkan maklumat berkaitan. Tips : Lebih spesifik katakunci yang dimasukkan, lebih tepat hasil carian yang dipaparkan.

### 4. Pilihan penetapan item penilaian kemudahan



This screenshot shows the 'Cemasakan Item dan Status Penilaian Kursus' section. It lists various items for evaluation, each with two status options: 'Masih Dibuka' (radio button) and 'Sudah Ditutup' (radio button). The items include:

- Makanan
- Nota Kursus
- Kemudahan Bilik Kuliah
- Kemudahan Audio Visual
- Penginapan
- Perpustakaan
- Perkhidmatan Perpustakaan
- Koleksi (Perpustakaan)
- Kemudahan sukan/kegiatan sosial

At the bottom right is a blue 'Kemaskini' button.

Fungsi penetapan item penilaian ini melibatkan item-item pada Ruangan Seksyen 4 : Pengurusan Kursus Bahagian I pada borang penilaian kursus. Pengemaskinan item adalah bagi memastikan item-item yang bersesuaian dapat dinilai oleh peserta kursus.



## ARTIKEL:

### 5. Notifikasi Emel Penghantaran Ulasan

The screenshot shows a web-based application interface for ICMAS v5.0. On the left is a vertical sidebar menu with various options like 'Seminar', 'Penyertaan', 'Sesi', 'Penerapan', 'Penilaian', 'Penyelesaian', 'Penilaian', 'Penilaian Kursus', 'Arahan', 'Laporan Skg 1', 'Laporan Skg 2', 'Maklumat', 'Usoor Pendekar', 'Konsultasi', and 'Pemohonan'. The main content area has a header bar with links for 'Sistem', 'Aktiviti Taruhan', 'Seminar Kursus', 'Seminar Kajian', 'Sesijas Kursus', 'Maklumat Logon', and 'Bantuan Peringguji'. Below this is a large table with two rows. The first row contains a large empty text area with placeholder text about the purpose of the review. The second row contains a 'Tarikh' column with '2019-04-10' and a 'Ulasan Tingkatan Ketua Pengaruh' column containing a long text block. At the bottom of the table, there is a red warning message: '⚠ Tanjakan sebarang perlakuan notifikasi penghantaran ulasan'. A blue 'Kemaskini' button is located at the bottom right of the table.

**Ciri Khas Notifikasi Emel** – Emel notifikasi penghantaran ulasan akan dihantar kepada pengguna yang berkaitan sekiranya pengguna memilih untuk menghantar notifikasi tersebut.

Seksyen Teknologi Maklumat (STM) mengharapkan agar **ICMAS v5.0** dapat memenuhi keperluan pengguna dalaman dan luaran ILKAP. Maklum balas positif berkaitan **ICMAS v5.0** boleh disalurkan terus kepada pihak STM bagi tujuan kajian penambahbaikan masa hadapan. **ICMAS v5.0** boleh dilayari melalui pautan berikut:

- Warga ILKAP - <https://icmas.ilkap.gov.my/admin/login.php>
- Peserta - <https://icmas.ilkap.gov.my/peserta/login.php>
- Penceramah - <https://icmas.ilkap.gov.my/penceramah/login.php>

The screenshot shows a browser window titled 'ICMAS | ILKAP - Login Pentadbir'. The address bar shows the URL 'https://icmas.ilkap.gov.my/admin/login.php'. The page itself has a 'Pentadbir' header with the text 'Silakan log masuk untuk menggunakan sistem'. It features a 'Username' input field, a 'Password' input field, a 'I'm not a robot' checkbox, and a 'Log Masuk' button. To the right of this is a logo for 'ILKAP MALAYSIA' and 'ICMAS' with the subtitle 'Sistem Pengurusan Kursus Bersepadu Integrated Course Management System'. Below the logo are buttons for 'Log Masuk Peserta' and 'Penceramah', and a link 'Jadual Kursus'.

## ARTIKEL:

### JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT AKTIVITI ILKAP : BAHAGIAN MAKLUMAT

Disediakan oleh Norhafida binti Darus  
Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan

Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit peringkat ILKAP telah dilaksanakan pada 23 April 2019 di Pusat Sumber ILKAP. Seramai 44 orang telah menyertai program ini dan ia turut diserikan dengan kehadiran YBrs Tuan Hamidun bin Datuk Haji Abdul Fatah, Timbalan Ketua Pengarah ILKAP.

Program untuk meningkatkan budaya membaca ini dilaksanakan serentak di seluruh negara dari jam 11.00 hingga 11.10 pagi. Pusat Sumber ILKAP turut menganjurkan aktiviti seperti Library2u, Pertandingan Menulis Ulasan Buku dan Swafoto Bersama Buku Kegemaran bersempena sambutan Hari Buku Sedunia Tahun 2019 yang disambut di seluruh dunia pada 23 April setiap tahun.



## LAPORAN:

LAPORAN PROGRAM ILKAP SPEAKER SERIES  
(ISS) TAHUN 2019

Disediakan oleh Salmi binti Abdur Rahman  
Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan

Program ILKAP Speaker Series (ISS) tahun 2019 telah diadakan pada 5 April 2019 bertempat di Auditorium ILKAP. Program ini merupakan satu platform perkongsian pengetahuan dan pengalaman penceramah terkenal dan terkemuka di kalangan pengamal undang-undang mengenai isu-isu perundangan terkini di Malaysia. Syarahan yang bertajuk "**LAW REFORM AND ABOLISHMENT OF MANDATORY DEATH PENALTY IN MALAYSIA: THE WAY FORWARD**" yang telah disampaikan oleh YB Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang) sebagai penceramah jemputan telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan mendapat respon yang positif daripada seramai 223 orang peserta yang hadir.

Antara inti pati syarahan yang disampaikan adalah mengenai kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574] yang boleh dihukum dengan hukuman mati mandatori seperti kesalahan membunuh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan, kesalahan terhadap tubuh Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Yang di-Pertua Negeri di bawah Seksyen 121A Kanun Keseksaan dan kesalahan melakukan perbuatan keganasan di bawah Seksyen 130C Kanun Keseksaan. Beliau turut membincangkan kesalahan-kesalahan lain yang boleh dikenakan dengan hukuman mati jika sabit kesalahan seperti kesalahan di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37].





## LAPORAN:

# LAPORAN PROGRAM OUTREACH ANJURAN ILKAP DI BAWAH KPI MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG) BERKAITAN DENGAN ISU-ISU MIGRAN DI NEGERI SABAH

Disediakan oleh Fariza binti Hamzah  
Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan

## LAPORAN PROGRAM OUTREACH ANJURAN ILKAP DI BAWAH KPI MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG) BERKAITAN DENGAN ISU-ISU MIGRAN DI NEGERI SABAH

### PENDAHULUAN

Program ini merupakan satu aktiviti di bawah KPI Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang) dan telah dijalankan pada 13 April 2019 di dewan Kompleks Sukan Sandakan, Sabah.

Program ini anjuran bersama Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Pejabat Pengarah Negeri Sabah. Kos program ditanggung melalui wang daripada akaun amanah ILKAP. Manakala kos makan-minum dan perjalanan peserta yang dijemput oleh Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ditanggung sepenuhnya oleh pihak Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Program melibatkan pelbagai jabatan kerajaan dan agensi penguasaan undang-undang iaitu Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah (JIM), Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sabah (JPN), Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sabah, Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, Mahkamah Sandakan, Pejabat Pengarah Pendakwaan Negeri Sabah, Majlis Ugama Islam Negeri Sabah dan Sabah Law Society.

### OBJEKTIF

Untuk meningkatkan kesedaran awam berhubung dengan isu-isu migran di negeri Sabah dan keperluan kepada kerjasama semua pihak dalam memainkan peranan masing-masing bagi membantu kerajaan menangani dan mencari penyelesaian masalah ini.

### PERANAN ILKAP

ILKAP memainkan peranan sebagai pengajur program dan tidak terlibat untuk memberikan sebarang ceramah/taklimat sepanjang program berlangsung. Walau bagaimanapun, seorang pegawai akan disediakan sebagai ‘back-up’ untuk memberikan ceramah ringkas sekiranya keadaan memerlukan.

Aturcara program yang dicadangkan adalah seperti di **Lampiran A**.

Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Program yang bertugas di Sandakan pada 13 April 2019 adalah seperti di **Lampiran B**.

### KANDUNGAN PROGRAM

Penglibatan ILKAP dalam program outreach ini merupakan salah satu daripada aktiviti bagi mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang), YB Datuk Liew Vui Keong.

Sebanyak sembilan jabatan/agensi/pertubuhan dijemput menyertai program ini iaitu—

- PDRM
- JHEAINS
- JIM Negeri Sabah
- JPN Negeri Sabah
- Pejabat Pengarah Pendakwaan Negeri Sabah
- Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
- Mahkamah Sandakan
- Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sabah
- Sabah Law Society



## LAPORAN:

Skop program ini menjurus kepada isu dan masalah imigran di Negeri Sabah. Sebanyak tiga sesi forum telah diadakan iaitu –

1. Sesi forum yang pertama bertajuk '**Pendaftaran Kelahiran dan Perkahwinan – Isu dan Cabaran**'

Forum ini dipengerusikan oleh TPR Franklin Ganggan A/K Bennet sebagai moderator.

Ahli-ahli panel ialah –

- Puan Marlina Ibrahim Hakim Mahkamah Sesyen Keningau;
- Ustaz Mohamad bin Labusi dari Jabatan Agama Islam Negeri Sabah cawangan Sandakan;
- Puan Hajah Rahmah Mohsin dari Jabatan Pendaftaran Negara, cawangan Negeri Sabah; dan
- YBhg. Dato' Musa Sulaiman Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah.

2. Sesi forum kedua bertajuk '**Kebanjiran Pekerja Asing di Negeri Sabah-Isu dan Cabaran**'.

Forum ini dipengerusikan oleh Puan Majnah Abdillah dari Sabah Law Society sebagai moderator.

Ahli-ahli panel ialah –

- YBhg. Dato' Musa Sulaiman, Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah;
- Puan Morian Paidal daripada Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sabah; dan
- ACP Tan Boon Seng daripada Polis DiRaja Malaysia.

3. Sesi forum ketiga bertajuk '**Sepetang Bersama YB Menteri**'.

Forum ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Anita Harun, Ketua Pengarah ILKAP sebagai moderator.

Ahli-ahli panel ialah –

- YBrs. Tuan Martin Tommy, Setiausaha Politik YBM Datuk Liew Vui Keong;
- YB Jannie Lasimbang Pembantu Menteri Undang-Undang dan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah;
- YBhg. Dato' Ismail bin Ahmad, Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara, Sabah; dan
- ACP Tan Boon Seng, PDRM.

Berhubung dengan sesi pameran pula, sebanyak lima daripada sepuluh jabatan yang dijemput telah mengadakan booth pameran. Jabatan yang menyertai pameran ialah Mahkamah Sandakan, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sabah dan Sabah Law Society.

Seramai 204 orang peserta telah hadir yang termasuklah Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, Puan Amelati Anak Parnel, Pengarah Mahkamah Negeri Sabah Puan Egusra Ali dan Puan Hakim Mahkamah Sesyen Sandakan Puan Ummu Kalthom binti Abdul Samad. Selain daripada itu, peserta termasuklah pegawai dan kakitangan daripada Mahkamah Sandakan, Sabah Law Society, Ketua- Ketua Kampung, Ketua-Ketua Anak Negeri dan ketua-ketua masyarakat tempatan. Turut sama hadir ADUN Elopura, YB Calvin Chong.

Urusetia program juga telah dibantu oleh pihak Mahkamah Sandakan melalui 7 orang pegawai dan kakitangan yang bertindak sebagai Liaison Officer dan juga pegawai pengiring iaitu Puan Suharni Mahamuddin, Puan Murni Munir, Puan Caroline Lai, Puan Lee Sui Foong, Encik Syamsul Ali dan Encik Andy Fathmal Mudzakkir. Turut hadir bersama Puan Majistret, Puan Suhaila Selag.

### **FORUM PERTAMA - 'PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN PERKAHWINAN – ISU DAN CABARAN'.**

Pada sesi forum yang pertama, pelbagai soalan telah dibangkitkan oleh peserta program khususnya, ketua-ketua masyarakat, Ketua Kampung dan Ketua Anak Negeri. Antaranya persoalan yang melibatkan perkahwinan yang dijalankan secara adat ataupun perkahwinan kampung yang tidak berdaftar sehingga menimbulkan masalah pendaftaran kelahiran anak-anak dan masalah untuk mendapatkan kad pengenalan anak-anak terlibat. Pemimpin-pemimpin masyarakat tempatan berpendapat bahawa perkahwinan ini perlu diadakan bagi mengelak pemuda/pemudi yang terlibat terjerumus dalam kegiatan maksiat dan tidak bermoral serta untuk mejaga aib keluarga. Selain itu turut dibangkitkan persoalan mengenai proses mendapatkan surat daftar lewat kelahiran yang memakan masa yang lama.

Ustaz Mohamad Labusi dari JHEAINS pula memberi penjelasan bahawa perkahwinan adat/kampung ini boleh didaftarkan asalkan pasangan pengantin memohon untuk ia didaftarkan dan semua syarat dan dokumen yang diperlukan dapat dikemukakan. Sekiranya perkahwinan itu melibatkan warga asing/imigran, perlu ada dokumen pengenalan diri yang sah.

## LAPORAN:

Selain daripada itu, YBhg Dato' Pengarah Jabatan Imigresen Negeri Sabah telah memberikan penerangan kepada peserta berhubung dengan dasar pemutihan yang dijalankan oleh Jabatan bagi pekerja asing yang terlibat di dalam sektor perladangan dan pertanian. Penjelasan mengenai dasar pemutihan ini diberikan oleh YBhg. Dato' Musa Sulaiman melalui forum pertama dan kedua.

### FORUM KEDUA - 'KEBANJIRAN PEKERJA ASING DI NEGERI SABAH-ISU DAN CABARAN'.

Pada sesi forum yang kedua, isu-isu berkaitan dengan pekerja asing telah dibincangkan dengan panjang lebar oleh ahli-ahli panel yang terlibat, termasuklah menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh peserta.

Antara persoalan yang dibangkitkan oleh peserta ialah masalah pekerja asing yang tidak dibayar gaji oleh majikan, apakah hak-hak mereka di bawah Undang-Undang Buruh dan bagaimana pekerja asing hendak menuntut hak mereka. Puan Morian Paidal daripada JTK Sabah menerangkan bahawa pekerja asing yang mempunyai masalah boleh mengadukan masalah mereka ke Pejabat JTK yang berdekatan. Maklumat pengadu dirahsikan.

Peserta juga turut mengemukakan masalah peningkatan kadar jenayah yang melibatkan warga asing. ACP Tan Boon Seng memohon agar maklumat lengkap disalurkan kepada PDRM untuk membolehkan tindakan penguatkuasaan yang berkesan diambil. Selain daripada itu, beliau juga menerangkan usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan dalam menjaga keselamatan sempadan Negara amnya dan Negeri Sabah khasnya dengan mewujudkan ESSCOM.

### FORUM KETIGA - 'SEPETANG BERSAMA YB MENTERI'

Pada sesi forum yang ketiga yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Ketua Pengarah ILKAP, peserta membangkitkan masalah kelewatan mendapat surat beranak lewat daftar dan juga kad pengenalan. YBhg. Dato' Ismail bin Ahmad, Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sabah telah meminta supaya maklumat lengkap diberikan kepada beliau supaya beliau boleh mengambil tindakan yang sewajarnya.

YB Jannie Lasimbang pula menjelaskan kepada peserta tentang usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk memberikan pengetahuan dan kesedaran kepada rakyat berhubung risiko berkahwin dengan pasangan bukan warganegara.

Pada majlis penutup program Outreach ILKAP 2019, YB Datuk Liew Vui Keong di dalam ucapannya yang disampaikan oleh Setiausaha Politik beliau, YBrs Tuan Tommy Martin menegaskan bahawa kerajaan kini mengambil pelbagai tindakan untuk menangani kebanjiran pekerja asing di Negeri Sabah, antaranya ialah melaksanakan Notis Penolakan Masuk (NTL). Ia bertujuan untuk mengurangkan persaingan pekerja tempatan dengan pekerja asing untuk mendapatkan pekerjaan, sekaligus memberikan lebih peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

### 5.0 PENUTUP

Kesimpulannya, program ini berjaya mencapai objektif yang disasarkan dan juga memenuhi KPI YBM yang ditetapkan.



## LAPORAN:



## LAPORAN:

## LAPORAN LAWATAN PIHAK LUAR KE ILKAP

1. Pada 29 April 2019, ILKAP telah menerima lawatan daripada pihak European Union, iaitu Mr. Noel M. Matthews, *Team Leader Of The European Union Governance Action Formulation Mission in Malaysia*.
2. Lawatan tersebut telah membincangkan potensi kolaborasi antara pihak ILKAP dengan pihak European Union dalam isu berkaitan ketelusan dan kebertanggungjawaban, keadilan, penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus tempatan serta perkara berkaitan dengan pembangunan latihan ke arah memupuk pengetahuan yang meluas antara negara-negara, terutamanya bagi pegawai-pegawai perundangan dan kehakiman.



3. Pada 16 Mei 2019 pula, ILKAP telah menerima lawatan daripada **Kedutaan Republik Uzbekistan di Malaysia** yang telah dihadiri sendiri oleh Duta Republik Uzbekistan di Malaysia, Tuan Yang Terutama Ravshan Usmanov berserta dengan pegawai beliau daripada Kedutaan Republik Uzbekistan di Malaysia.
4. Lawatan berkenaan dibuat bertujuan membincangkan potensi kolaborasi antara pihak ILKAP dan lawatan sekitar Asrama Eksekutif turut dibuat dengan penjelasan mengenai kaedah-kaedah pengurusan latihan yang dilaksanakan di ILKAP telah diberikan kepada pihak Kedutaan Republik Uzbekistan di Malaysia.



## AKTIVITI:

### AKTIVITI ILKAP JANUARI–JUN 2019

#### JANUARI 2019

##### **Lawatan daripada Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)**

pada 23 Januari 2018 di Pusat Latihan dan Teknologi Maklumat (ITITC) ILKAP



##### **Lawatan Timbalan Menteri YB Tuan Mohamed Hanipa Maidin Ke ILKAP**

pada 25 Januari 2018 di Pusat Latihan dan Teknologi Maklumat (ITITC) ILKAP



#### FEBRUARI 2019

##### **Lawatan EKSA ILKAP ke Jabatan Pendidikan Tinggi**

pada 13 Februari 2019 di Kementerian Pendidikan Malaysia



## AKTIVITI:

### AKTIVITI ILKAP JANUARI-JUN 2019

#### Lawatan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) ke ILKAP

pada 18 Februari 2019 di Pusat Latihan dan Teknologi Maklumat (ITITC) ILKAP



#### Lawatan YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang) Ke ILKAP

pada 21 Februari 2019 di Pusat Latihan dan Teknologi Maklumat (ITITC) ILKAP



**AKTIVITI:****AKTIVITI ILKAP JANUARI–JUN 2019****Kempen Derma Darah di ILKAP**

pada 28 Februari 2019 di Pusat Latihan dan Teknologi Maklumat (ITITC) ILKAP

**Taklimat Eksa**

pada 27 Februari 2019 di Bangunan Perdana, ILKAP



**AKTIVITI:****AKTIVITI ILKAP JANUARI–JUN 2019**

**Bual Bicara Inovasi dan Penyampaian Hadiah Inovasi Tahun 2018**  
pada 28 Februari 2019 di Theatrette, Bangunan Perdana ILKAP



## AKTIVITI:

### AKTIVITI ILKAP JANUARI–JUN 2019

MAC 2019

#### Family Day ILKAP 2019

pada 2 Mac 2019




## AKTIVITI:

### AKTIVITI ILKAP JANUARI–JUN 2019

#### Annual Dinner ILKAP 2019

pada 8 Mac 2019



#### Lawatan INSPEKtor Ke ILKAP

Pada 26 Mac 2019 di Pusat Latihan dan Teknologi Maklumat (ITITC) ILKAP



**AKTIVITI:****AKTIVITI ILKAP JANUARI–JUN 2019****Mesyuarat Agung Kelab Sukan dan Kebajikan ILKAP Kali Ke-13 Tahun 2019**

pada 29 Mac 2019 di Bangunan Perdana, ILKAP

**APRIL 2019****Lawatan Unit Integriti ILKAP ke Penjara Kajang**

pada 15 April 2019



## AKTIVITI:

### AKTIVITI ILKAP JANUARI–JUN 2019

#### Program Mantai, Majlis Bacaan Yassin & Tahlil dan Sambutan Ramadan ILKAP 2019

pada 19 April 2019



#### Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2018

Kluster Pengurusan Kehakiman Dan Perundangan

pada 30 April 2019



## AKTIVITI:

### AKTIVITI ILKAP JANUARI–JUN 2019

MEI 2019

#### Sumbangan Kasih Ramadhan 2019

pada 14 Mei 2019



#### Majlis Iftar Perdana ILKAP

pada 16 Mei 2019



## AKTIVITI:

### AKTIVITI ILKAP JANUARI–JUN 2019

JUN 2019

#### Sambutan Hari Raya Aidilfitri ILKAP

pada 13 Jun 2019





*Petah berbicara menutur kata  
ILKAP pemangkin melatih diri  
INSIGHT 1/2019 kini menutup kata  
Di Bilangan 2/2019 kita bertemu lagi*

**TERIMA KASIH**